

Rumah Api Kuala Selangor Kini berusia 100 tahun

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
kota@utusan.com.my

RUMAH Api Kuala Selangor menyambut ulang tahunnya yang ke-100 baru-baru ini. Walaupun ia dibina pada 1907, namun hanya mula beroperasi tiga tahun kemudian.

Ia merupakan salah sebuah rumah api yang didirikan oleh pihak Inggeris di negara ini.

Kedudukannya di atas Bukit Malawati dan berada tidak jauh dari gigi pantai Kuala Selangor menjadikan ia lokasi paling strategik untuk kapal-kapal dan nelayan mengambil langkah berjaga-jaga melalui laluan laut tersebut.

Sempena Hari Maritim Antarabangsa yang turut disambut di Malaysia, rumah api berusia 100 tahun itu telah dibuka kepada orang ramai pada 23 Oktober lalu bagi membolehkan pihak awam melihat sendiri keunikannya yang masih berfungsi sehingga sekarang.

Dan kesempatan itu menyaksikan lebih 500 penduduk tempatan dan dari luar Kuala Selangor membanjiri rumah api itu kerana peluang untuk naik ke tingkat atas bangunan setinggi 25.3 meter dari aras laut itu hanya sekali sahaja.

Menurut pekerja teknikal, Noor Asikin Shukor, 51, yang bertanggungjawab menyelia operasi Rumah Api Kuala Selangor, rumah api itu dahulunya dikenali sebagai Rumah Api Altingsburg sempena nama seorang Gabenor Belanda.

Ujarnya, mengikut sejarah, rumah api yang berada di persisiran pantai negara dikenali sebagai 'rumah api negeri-negeri selat' dan rumah api Kuala Selangor salah satu daripadanya.

Kini rumah api itu menjadi salah satu produk pelancongan di Selangor selain sumbangannya kepada dunia maritim

yang melibatkan kapal-kapal yang melalui Selat Melaka khususnya.

Sempena hari terbuka tersebut, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia selaku penganjur menyediakan pelbagai program seperti pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, hadiah misteri dan paling menarik cabutan bertuah dengan hadiahnya berpeluang menaik ke hingga lokasi lampu rumah api itu dil-

etakkan.

Lampu tersebut mampu menyuluh sehingga 56 kilometer dan berpusing serta berkelip setiap 15 saat dengan menggunakan kuasa elektrik.

Penolong Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Laut Semenanjung Malaysia, Nor Shazila

Ahmad berkata, hari terbuka itu memang bertujuan untuk memberi peluang kepada orang ramai mengenali rumah api itu dengan lebih dekat.


Ini kerana, ia kini boleh dianggap antara khazanah negara yang perlu dipelihara dan generasi muda juga harus mengetahui peranan penting yang dimainkan oleh rumah api kepada pelaut dan pelayar dari seluruh dunia yang melalui perairan negara ini.

Katanya, beliau gembira kerana sambutan orang ramai amat menggalakkan, lebih lagi julung kali rumah api itu dibuka kepada orang ramai.

"Mereka yang datang juga berpuas hati kerana pada ketinggian di atas bukit itu sudah cukup menarik untuk melihat keindahan laut bersama keluarga.

"Inilah yang kita harapkan, rumah api menjadi antara tarikan masyarakat sekali gus dapat mendedahkan masyarakat dengan fungsi bangunan tersebut," ujarnya.

Namun mereka yang tidak memenangi cabutan bertuah tetap berpeluang naik hingga ke lapisan pertama bangunan pada ketinggian 15 meter bagi melihat keindahan pantai dan laut Kuala Selangor dari Bukit Malawati.



RUMAH Api Kuala Selangor menjadi salah satu destinasi pelancongan selain berfungsi sebagai penunjuk arah kapal yang menggunakan Selat Melaka.